

Implikasi Penjenamaan Semula Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Kepada Kolej Vokasional (KV)

Nurazimah binti Biden,* Yusri bin Kamin

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
*Corresponding author : nurazimahbiden@gmail.com

Abstrak

Dalam mencapai status negara maju, Malaysia telah bekerja keras dalam membangunkan negara sejak kemerdekaan pada 1957. Menyediakan modal insan kelas pertama melalui pendidikan telah ditekankan terutama dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Oleh yang demikian, Sekolah Vokasional telah diwujudkan sejak beberapa tahun dahulu untuk menyediakan tenaga kerja yang bersesuaian dengan keperluan industri. Sekolah Vokasional telah memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dengan menyediakan kemahiran teknikal dan akademik dalam masa yang sama. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu berkaitan proses transformasi Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV). Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan kaedah analisis dokumen dan temubual. Seramai enam orang Pensyarah Kolej Vokasional dipilih secara rawak daripada tiga jenis Kolej Vokasional yang berbeza. Hasil temubual kemudiannya dianalisis melalui kaedah tematik. Dapatan kajian mendapati kesemua responden memberikan respon yang menggalakkan dalam penyelidikan ini. Oleh itu, transformasi ini diharapkan untuk membekalkan tenaga kerja yang berkualiti kepada pasaran kearah masa hadapan wajar dengan Wawasan 2020: Malaysia sebagai negara maju.

Kata kunci: modal insan, Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), keperluan industri, transformasi, Wawasan 2020

PENGENALAN

Selaras dengan konsep pendidikan seumur hidup, sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan salah satu aliran yang diiktiraf atau dikenali sebagai satu sistem yang berperanan untuk membentuk individu yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi seperti yang dikehendaki oleh industri pada masa kini. Perubahan masa dan perkembangan teknologi yang begitu pesat pada masa kini begitu menuntut perubahan kepada sistem PTV dalam membentuk generasi yang berkebolehan dari pelbagai aspek. Bagi mencapai matlamat tersebut, terdapat pelbagai usaha dan pengubahsuaian dalam pelaksanaan sistem PTV untuk mempersiapkan individu yang mempunyai kebolehan yang tinggi dalam bidang kemahiran dan pengetahuan teknikal dan sekaligus membentuk insan yang berkredibiliti.

Selain itu, menurut Oral (2010), kepentingan dalam pembangunan sumber manusia dalam sesebuah industri adalah penting di mana ia mampu membekalkan tenaga kerja yang juga merupakan salah satu elemen terpenting dalam pembangunan negara. Oleh kerana itu tanggungjawab utama Malaysia adalah terletak kepada pembangunan manusia serta intelektual untuk menghasilkan bekalan yang mencukupi dalam memberi sokongan dan seterusnya membekalkan tenaga kerja yang fleksibel, tangkas, dan mempunyai pengetahuan berserta kemahiran yang relevan (Halimah, 2004)

Pada masa kini, perkembangan teknologi, sosial dan ekonomi berlaku dengan amat pesat. Sehubungan dengan itu, individu mempunyai perasaan keinginan untuk mengembangkan kebolehan ilmu yang ada pada mereka secara berterusan supaya dapat berfungsi dengan maksimum dalam kehidupan seharian, pekerjaan, pergaulan dalam masyarakat dan seterusnya menjadi individu yang bermanfaat kepada agama, bangsa, dan negara. Adalah tidak dinafikan bahawa pelaburan dalam pendidikan dan latihan merupakan satu pelaburan bagi masa depan dalam hal mempersiapkan serta memperkasakan individu yang serba boleh.

Dalam Rancangan Malaysia ke 10, terdapat rombakan sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi dan kualiti pelajar. Salah satu intipatinya adalah mengarusperdana dan memperluas akses kepada Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di mana PTV dijadikan sebagai pilihan utama selari dengan aliran akademik. Perihal ini adalah berkait rapat dalam menyusun semula pasaran pekerjaan untuk mengubah Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Bagi mencapai sasaran ini, keperluan peningkatan tenaga kerja mahir adalah kritikal, disamping peningkatan enrolmen PTV beserta kualiti latihan yang ditawarkan.

Dalam memenuhi agenda ini, pendidikan teknik dan vokasional merupakan satu laluan yang penting kearah melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, inovatif dan mampu menghadapi saingan samada pada peringkat serantau dan juga global agar relevan dengan keperluan semasa.

Sehubungan dengan itu, penekanan terhadap penambahbaikan kualiti Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional menjadi agenda penting di negara selaras dengan hasrat negara menjadi sebuah negara berpendapatan

tinggi. Peningkatan kemahiran perlu dilakukan secara berterusan agar mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Dalam memenuhi aspirasi ini, sistem latihan kemahiran dan jalinan usahasama dengan pihak industri perlu diperkukuhkan. Ia dikatakan lebih berkesan dan menepati keperluan dan seterusnya dapat memperkembangkan lagi ekonomi negara. Maka dengan itu, peranan yang lebih dinamik telah diambil oleh pihak yang terlibat menjadi faktor penting dalam melahirkan tenaga kerja yang kompetitif dan berdaya saing (Imran, 2009). Antara peranan yang paling mencabar adalah menghasilkan tenaga kerja yang dapat memenuhi kehendak industri tempatan iaitu lebih kurang 1.3 juta tenaga kerja berkualiti pada masa hadapan (www.bptv.edu.my).

Bagi merialisasikan impian negara iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, maka pelbagai perubahan perlu dibentuk berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lalu. Setiap perancangan harus dipastikan samada ianya selari atau tidak dengan dasar yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti Dasar Pendidikan Kebangsaan, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan sebagainya.

Berikutan daripada itu, hari ini, PTV di Malaysia menghadapi beberapa cabaran untuk meneruskan pertumbuhannya. Pengiktirafan PTV dikalangan masyarakat Malaysia menurun kerana tanggapan mereka objektif utama PTV adalah untuk memenuhi sekolah-sekolah “drop-out” dan bukannya untuk menghasilkan pekerja berkemahiran tinggi (Pang, 2011). Di samping itu, keperluan akademik yang lebih rendah diperlukan bagi kemasukan ke program PTV menyumbang stigma masyarakat kepada perspektif negatif. Dengan sistem pendidikan semasa di Malaysia, graduan PTV mempunyai pilihan yang terhad untuk peningkatan pendidikan selanjutnya kepada professional, dan hal ini menyumbang kepada permasalahan ini. Mempelajari teori sahaja adalah tidak mencukupi bagi seseorang individu itu untuk menjadi kompeten atau mahir dalam *hands-on skills*. Secara amnya, kebanyakan perkara secara praktikal di alam pekerjaan yang sebenar adalah berbeza daripada teori yang dipelajari. Permintaan industri terhadap tenaga kerja mahir pada masa kini bukan hanya kepada pelajar yang menguasai teori semata-mata, tetapi kepada pelajar lebih menguasai praktikal terhadap kerja-kerja tersebut. Ini akan membuatkan seseorang itu akan dilihat sebagai pemimpin apabila dapat membentuk orang-orang berkemahiran dalam pekerjaannya.

Bagi menyelaraskan kebolehan pelajar terhadap kehendak industri, satu sistem yang dikenali sebagai Dual System telah diperkenalkan dalam PTV. Pada tahun 2005, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan National Dual Training System (NDTS) dalam PTV, yang bertujuan untuk mendedahkan para perintis kepada keadaan sebenar alam pekerjaan dalam industri.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan merupakan sebuah kajian tinjauan berbentuk deskriptif. Ia bertujuan bagi menilai implikasi penjenamaan semula Sekolah Menengah Teknik (SMT) ke Kolej Vokasional (KV). Kajian penilaian berbentuk deskriptif ini adalah satu pross untuk mengenalpasti perkara-perkara yang berlaku dalam suatu institusi atau semasa suatu aktiviti dengan menghuraikan dan mentafsirkan suatu keadaan dan hubungan yang wujud, pandangan, proses-proses yang berlaku dan juga kesan suatu perkara (Best dan Kahn, 1998). Menurut mereka lagi, penilaian dapat menimbang atau memutuskan nilai suatu kemudahan sosial kehendak ataupun keberkesanan suatu proses, produk, serta program dan kadangkala termasuklah cadangan untuk tindakan selanjutnya.

Perkembangan idea untuk mewujudkan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia telah bermula sejak tahun 1890-an lagi. Pada tahun 1987, satu perundangan telah diadakan tentang tatacara penubuhan sekolah perdagangan untuk melatih orang-orang Melayu terutamanya lelaki untuk berkhidmat sebagai mekanik dan buruh yang bekerja untuk memperbaiki kereta api di mana pada masa itu menjadi pengangkutan utama (Francis & Ee, 1975).

Pada zaman ini, PTV dilihat sebagai satu aliran pendidikan yang hanya mempersiapkan individu untuk menguasai kemahiran teknikal semata-mata dan kurang menitik beratkan tentang pembentukan sahsiah diri seseorang. Pada dasarnya, individu dilatih untuk memperbaiki kereta api yang pada masa itu menjadi pengangkutan utama, tanpa mempunyai kurikulum yang tetap dan proses pembelajaran seperti yang ada pada masa kini.

Melihat kepada perkembangan yang berlaku di negara maju dan serantau, Malaysia turut sama membuat perubahan besar yang segera dalam sistem pendidikan vokasional. Hal ini kerana, jika tiada sebarang tindakan untuk berubah dilakukan, adalah menjadi kebimbangan bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara yang tidak kompetitif diperingkat global dan seterusnya menjadi sebuah negara yang ketinggalan. Kejayaan perlu diukur bukan hanya kepada pencapaian dalam bidang akademik, malah definisi baru sebuah kejayaan ialah melalui bidang teknikal dan vokasional. Pendidikan vokasional di Malaysia pada masa kini sedang menuju ke arah konsep Pendidikan Untuk Semua (Education for All) seperti yang digariskan oleh UNESCO.

Mempelajari teori sahaja adalah tidak mencukupi bagi seseorang individu itu untuk menjadi kompeten atau mahir dalam *hands-on skills*. Secara amnya, kebanyakan perkara secara praktikal di alam pekerjaan yang sebenar adalah berbeza daripada teori yang dipelajari. Permintaan industri terhadap tenaga kerja mahir pada masa kini bukan hanya kepada pelajar yang menguasai teori semata-mata, tetapi kepada pelajar lebih menguasai praktikal terhadap

kerja-kerja tersebut. Ini akan membuatkan seseorang itu akan dilihat sebagai pemimpin apabila dapat membentuk orang-orang berkemahiran dalam pekerjaannya.

Bagi menyelaraskan kebolehan palajar terhadap kehendak industri, satu sistem yang dikenali sebagai Dual System telah diperkenalkan dalam PTV. Pada tahun 2005, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan National Dual Training System (NDTS) dalam PTV, yang bertujuan untuk mendedahkan para perintis kepada keadaan sebenar alam pekerjaan dalam industri.

Selain daripada itu, bagi tujuan merealisasikan impian negara iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, maka pelbagai perubahan perlu dibentuk berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lalu. Setiap perancangan harus dipastikan samada ianya selari atau tidak dengan dasar yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia seperti Dasar Pendidikan Kebangsaan, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan sebagainya.

Malaysia telah mempunyai satu landasan yang kukuh dalam membangunkan negara. Visi Wawasan 2020 tidak akan dapat dicapai dengan mudah tanpa melakukan sebarang transformasi dalam ekonomi, sosial, dan kerajaan sendiri. Maka dengan itu, kerajaan telah mewujudkan satu rangka kerja yang terdiri daripada empat tonggak bagi merealisasikan transformasi (Rajah 1). Program Transformasi Ekonomi (ETP) akan menjadi pendorong dalam mencapai Model Ekonomi Baru. Di samping itu, ETP akan disokong pula dengan dua tonggak lain iaitu Gagasan 1 Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) terutamanya dalam memberi tumpuan kepada pengukuhan perkhidmatan awam dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Sebagai tambahan, Rancangan Malaysia ke 10 mampu menjadi tulang belakang dalam menyokong secara bersama-sama dalam mencapai Wawasan 2020.



Rajah 1 : 4 Tonggak Utama dalam merealisasikan Wawasan 2020
Sumber : Model Ekonomi Baru Malaysia, Bahagian 1, 2010

Selain daripada itu, persaingan ekonomi global didapati meningkat dengan ketara dengan adanya kemunculan syarikat-syarikat serantau dan juga global, ia menghakis kedudukan syarikat-syarikat kukuh yang berpangkalan di Malaysia dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Oleh kerana itu, Malaysia perlu memiliki kekuatan untuk menjadi sebuah negara yang lebih berdaya saing juga perlu bekerja keras untuk mencapai seterusnya mengekalkan kelebihan dayan saing ini. Ini boleh dicapai dengan melabur dalam institusi infrastruktur dan modal insan.

Malaysia memerlukan sumber modal insan yang berskala besar bagi menyokong ekonomi berdasarkan buruh yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan dan berinovasi. Malaysia tidak akan dapat berkembang aktif jika mengekalkan keberbergantungan hanya kepada tenaga kerja yang berkemahiran rendah. Oleh kerana itu, pendidikan dan melatih tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting dalam menghadapi persaingan secara global. Pendidikan akan menjadi faktor utama untuk memenuhi pasaran buruh di Malaysia beserta sumber-sumber yg ideal. Oleh itu, supaya Malaysia dapat meningkatkan kapasiti pembangunan, ia harus memberikan perhatian yang lebih dalam melahirkan modal insan di mana ini adalah cara terbaik terutamanya dalam perubahan sistem PTV.

Pada setakat ini, tenaga kerja yang mempunyai pendidikan tertiar dilaporkan berada di bawah purata untuk negara yang bernaung dengan Organisation of Economic Co-Operation and Development (OECD) di mana Malaysia berada di kedudukan 23 peratus berbanding 28 peratus. Negara jiran, Singapura, telah mencecah 35 peratus di mana ia setaraf dengan Finland. Kadar pengangguran dinyatakan berada pada peratusan 27 peratus pada 2009. Kekurangan kemahiran mendapatkan pekerjaan seperti etika kerja, kemahiran komunikasi, kerja secara pasukan, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran kepimpinan merupakan faktor utama pengangguran di kalangan graduan Malaysia (Performance Management and Delivery Unit, 2010).

Aspirasi untuk membawa Malaysia ke arah negara ekonomi berpendapatan tinggi perlu mempertingkatkan akses. Bilangan kemasukan dalam bidang PTV seterusnya meningkatkan kualiti latihan. PTV telah menjadi pilihan utama di negara-negara maju dalam menyediakan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Malaysia tidak terkecuali daripada trend ini. Institusi PTV formal di Malaysia telah ditubuhkan sejak tahun 1906 di bawah peruntukan Jabatan Kerja Raya. Maznah, (2001) menyatakan, institusi dikenali sebagai Sekolah Guru Teknikal yang terutamanya memberi tumpuan bagi melatih pembantu teknikal bagi keretapi dan Jabatan Kerja Raya.

Berikutan daripada itu, hari ini, PTV di Malaysia menghadapi beberapa cabaran untuk meneruskan pertumbuhannya. Pengiktirafan PTV dikalangan masyarakat Malaysia menurun kerana tanggapan mereka objektif utama PTV adalah untuk memenuhi sekolah-sekolah “drop-out” dan bukannya untuk menghasilkan pekerja berkemahiran tinggi (Pang, 2011). Di samping itu, keperluan akademik yang lebih rendah diperlukan bagi kemasukan ke program PTV menyumbang stigma masyarakat kepada perspektif negatif. Dengan sistem pendidikan semasa di Malaysia, graduan PTV mempunyai pilihan yang terhad untuk peningkatan pendidikan selanjutnya kepada professional, dan hal ini menyumbang kepada permasalahan ini.

Sebagai akibatnya, kerajaan sedang mengambil inisiatif dalam menukar perspektif negatif masyarakat umum dengan menyelaraskan sistem pendidikan PTV seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat dengan lebih mendalam program transformasi dengan memberi tumpuan kepada penyediaan PTV awam di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran di Malaysia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kerajaan telah mendapati bahawa pendidikan PTV di Malaysia mendapat sambutan dan pandangan yang negatif daripada masyarakat di mana sebagai contoh, masyarakat menganggap pendidikan PTV di Malaysia ini merupakan pendidikan kelas kedua. Walaubagaimanapun, pada masa yang sama, PTV adalah amat penting dalam melahirkan pekerja mahir disamping mengukuhkan bakat asas bertaraf dunia untuk negara. Oleh kerana itu, PTV sedang menjalani satu program transformasi bagi meningkatkan tahap kesedaran orang ramai bahawa PTV merupakan pendidikan yang sama tahapnya dengan pendidikan akademik lain disamping meningkatkan enrolmen pelajar.

Pembangunan kurikulum merupakan bidang penting yang seharusnya diberi perhatian serius bagi merealisasikan hasrat untuk menyediakan keperluan latihan, pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai lain yang lebih telus, berkualiti dan terkini. Oliva (2005) telah mendefinisikan pembangunan kurikulum sebagai perubahan dan penambahbaikan. Kurikulum boleh dianalogikan sebagai sebuah landasan untuk keretapi. Ini bermaksud ia menjadi penentu dalam menghala tuju arah keretapi tersebut disamping saling berhubung antara satu stesen dengan stesen yang lain. Adalah penting bagi memastikan landasan yang dibina itu dibina ke arah yang betul. Oleh kerana itu, kurikulum di kolej-kolej vokasional dibangunkan dengan berdasarkan keperluan industri dan pasaran semasa. Wakil-wakil industri telah dijemput dalam proses pembangunan kurikulum dan pembangunan kursus.

Membangunkan sesebuah kurikulum seharusnya melalui satu proses perancangan yang komprehensif bagi mengenalpasti keperluan-keperluan yang akan menyumbang kepada penggubalan dan pembangunan kurikulum yang lebih ke arah holistik dan bersepadu. Namun demikian, kurikulum yang harus dibangunkan perlulah realistik bagi memenuhi segala cabaran semasa.

Kurikulum

Kurikulum adalah sangat penting dalam pendidikan. Ia merupakan medium dalam memberikan arahan kepada pelajar berkaitan dengan arah destinasi pelajaran mereka. Oleh itu, ia adalah sangat penting untuk diberi perhatian dan penekanan serta perlu diberi penelitian secara terperinci dalam membangunkan kurikulum. Kolej vokasional telah menggunakan format standard kurikulum yang baru. Kurikulum baru ini adalah lebih khusus mengenai apa yang pelajar perlu lakukan dan apa yang pelajar perlu tahu mengenai kandungan yang terdapat dalam kursus mereka. Ia meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai kepada pelajar untuk memahami dalam tempoh sekolah. Pra-pengetahuan boleh membantu pelajar untuk memahami dengan lebih baik jika mereka mempunyai idea yang asas mengenai apa yang mereka akan belajar. Ia juga boleh merangsang kemahiran kognitif mereka dan akan memberi kesan kematangan kepada pelajar itu sendiri.

Standard kurikulum meliputi empat bahagian yang berbeza. Pertama, standard bagi kandungan adalah kenyataan khusus mengenai apa yang pelajar perlu tahu dan apa yang pelajar boleh lakukan dalam tempoh persekolahan. Kedua, jam, di mana ia menunjukkan masa berapa lama pelajar perlu menghabiskan masa mereka di dalam kelas untuk belajar dalam suatu tempoh persekolahan. Ketiga, ia merupakan standard pembelajaran, di mana ia adalah satu kriteria menetapkan standard atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Standard kurikulum yang terakhir adalah mengenai kriteria prestasi di mana ia menyatakan secara khusus tentang apa yang perlu dinilai dan tahap prestasi yang dikehendaki.

Semester

Sistem pembelajaran bagi Kolej vokasional tidak lagi sama seperti sistem persekolahan semasa. Ia telah diubah dari penggal persekolahan ke dalam sistem semester. Oleh itu, pelajar akan mengalami sedikit perbezaan dalam sistem persekolahan mereka dengan mana-mana rakan-rakan mereka di sekolah akademik. Ia memberikan gambaran awal tentang sistem dalam institusi-institusi pendidikan tinggi. Oleh itu, ia akan menggalakkan pelajar untuk melaksanakan sesuatu yang lebih baik rentetan daripada persekitaran yang baru ini. Walaupun ia boleh menjadi satu haluan perjalanan yang mencabar, namun ia sebenarnya adalah salah satu inspirasi kepada pelajar bahawa mereka tidak lagi mengaplikasikan sistem sekolah jangka lama.

Sebagai pelaksanaan sistem semester baru di kolej-kolej vokasional, sistem penilaian kepada pelajar juga turut berubah. Pelajar akan dinilai dengan penilaian berasaskan kolej berterusan. Penilaian ini adalah merupakan proses yang berterusan dari awal setiap semester sehingga akhir penggal. Sistem penilaian baru akan memastikan bahawa prestasi pelajar sentiasa meningkat sehingga ke peringkat par. Ia juga dapat membantu pelajar untuk memperbaiki diri dengan melalui pembelajaran sendiri serta dibantu oleh tenaga pengajar sebagai satu penambahbaikan. Selain daripada itu, ia membantu tenaga pengajar untuk mengenal pasti pelajar yang menghadapi masalah dengan proses pembelajaran mereka. Berikutan itu, kadar keciciran pelajar boleh dikurangkan dan seterusnya menggalakkan pembangunan pelajar dalam proses pembelajaran.

Sijil Kelayakan

Sistem penilaian baru yang diaplikasikan di kolej vokasional adalah lebih luas berbanding sebelum ini. Komponen penilaian termasuk penilaian kolej, penilaian berpusat, peperiksaan berpusat, aktiviti fizikal, sukan dan penilaian aktiviti-aktiviti kurikulum dan penilaian psikometrik.

Di peringkat penilaian kolej, pelajar, ibu bapa dan organisasi luar yang terlibat dalam merancang, membangun, mengurus, rakaman dan laporan yang disediakan oleh guru-guru di kolej-kolej vokasional. Penilaian ini akan dilaksanakan di dalam format pembentukan berterusan sepanjang proses dan format sumatif pengajaran dan pembelajaran di akhir semester untuk mengukuhkan pemahaman dan keupayaan pelajar pada setiap subjek tertentu. Penilaian ini adalah bertujuan untuk dilihat sebagai menyeluruh, holistic, bersepadu, fleksibel dan seimbang. Penilaian akan dibuat berdasarkan standard kecekapan berpusat bagi memastikan semua pelajar di seluruh negara yang dinilai dapat mencapai standard kualiti yang tinggi.

Penilaian Berpusat adalah taksiran tambahan khusus untuk kolej vokasional yang dikendalikan oleh tenaga pengajar yang mengajar. Ia adalah penilaian kecekapan standard yang dirancang, diurus, disemak dan dilaporkan oleh pengajar. Kedua-dua format formatif dan sumatif akan menggunakan seluruh penilaian keseluruhan. Format penilaian akan dibangunkan berdasarkan klasifikasi bidang, sub-kawasan, peringkat, modul dan kecekapan manakala cross-domain membina dinilai kognitif, afektif dan psikomotor.

Peperiksaan Berpusat dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, di bawah Bahagian Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (BPTV). Penilaian ini adalah relevan dan memenuhi penilaian berdasarkan set kompetensi dan set standard. Item dibina dalam penilaian sumatif di mana ia dibangunkan berdasarkan klasifikasi Kawasan, Sub-kawasan, Tahap, Modul dan Kompetensi, manakala pembangunannya dinilai hanya domain kognitif. Peperiksaan ini mengandungi fungsi praktikal dan teori berasaskan piawai dan pengesahan untuk memastikan pelajar yang berkualiti tinggi.

Selain daripada akademik dan kemahiran praktikal, pelajar digalakkan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kurikulum termasuk aktiviti fizikal dan kokurikulum. Aktiviti-aktiviti ini sebagai titik tambahan dalam erti kata meningkatkan dan menambahbaik keupayaan pelajar dalam kemahiran dan pengalaman yang tidak boleh dibuat untuk diajar di dalam kelas. Kemahiran yang disediakan juga akan diberi penekanan kepada kemahiran pekerjaan dan kemahiran generik yang lain yang akan menjadi kemahiran tambahan untuk pelajar yang memohon pekerjaan di masa akan datang.

Dalam usaha bagi memastikan bahawa kemahiran yang berkualiti tinggi dapat diaplikasi dan pelajar dapat menyerap apa yang diajar dalam pelajaran, penilaian intensif akan dilakukan. Penilaiannya merangkumi penglibatan dan penyertaan dalam pelbagai aktiviti fizikal, kokurikulum dan kurikulum pelajar. Instrumen tambahan dan bimbingan akan disediakan oleh pusat dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berkenaan dengan bidang kepakaran mereka.

Selain daripada itu, Ujian Psikometrik juga dibangunkan dan telah diterima pakai menjadi sebahagian daripada aspek penilaian. Ujian ini akan digunakan bagi menilai sifat psikologi pelajar yang berkaitan dengan kepentingan dan kecenderungan mereka. Instrumen ujian psikometrik akan dianalisis dan penafsiran data oleh kerajaan persekutuan dan kemudiannya diimplimentasi oleh pihak pentadbiran kolej bagi tujuan yang berkenaan.

Penilaian rujukan standard ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu standard prestasi dengan tujuan untuk memeriksa prestasi akademik pelajar dan standard kecekapan untuk menilai kemahiran vokasional praktikal pelajar. Prestasi standard adalah satu proses untuk mengumpul maklumat mengenai tahap pemahaman pelajar tentang pengetahuan akademik mereka, memahami dan mahir mereka berdasarkan petunjuk pernyataan standard prestasi untuk memenuhi matlamat dan objektif dalam dokumen kurikulum.

Sebaliknya, standard kompetensi yang pakar untuk menilai pelajar kepada kemahiran vokasional mereka adalah satu proses untuk mendapatkan maklumat daripada para pelajar bagaimana cekap mereka berdasarkan tugas yang telah diberikan dengan kemahiran kompetensi berpandu termasuk pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai sebagai hasil. Dalam erti kata lain, kecekapan standard unit tugas yang mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai dalam menggunakan alat-alat, bahan dan teknik-teknik tertentu untuk mencapai tugas (tugas) yang berkaitan dengan pekerjaan.

KESIMPULAN

Transformasi PTV di Malaysia jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap pendidikan vokasional dengan inisiatif menaiktaraf pendidikan vokasional di Malaysia kepada kedudukan yang lebih besar. Nilai kerja dan penjenamaan semula adalah dua elemen yang boleh mengubah pemikiran ibu bapa, guru-guru dan pelajar-pelajar, serta masyarakat dalam meningkatkan imej PTV dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan negara (Abd Hair, 2011). Stigma dan perspektif negatif yang ditomah terhadap PTV menjadi salah satu alasan yang dilihat akan berkurangan sedikit demi sedikit di mana pendidikan vokasional di Malaysia tidak lama lagi akan melangkah ke fasa baru dan akan menjadi pilihan pertama aliran pendidikan di kalangan rakyat Malaysia.

Pengenalan aliran sistem pendidikan yang baru akan memberi laluan yang lebih baik untuk pelajar PTV dalam menentukan masa depan mereka serta laluan kerjaya. Ini akan menjadi salah satu tarikan utama untuk orang ramai dalam menimbang semula tentang PTV. Sistem PTV yang seimbang antara akademik dan amali yang mengintegrasikan antara satu sama lain memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk mendapatkan pendidikan yang menyeluruh dengan kursus pilihan mereka. Ini merupakan asas kepada PTV untuk mendapat pengiktirafan yang sama seperti pilihan pendidikan yang lain dan tidak akan dikategorikan sebagai jalan terakhir lagi. Pelajar akan dapat kembali ke dalam aliran akademik walaupun mereka telah mendaftar ke dalam pendidikan vokasional dan sebaliknya.

Malah, ada peluang yang lebih baik untuk pelajar-pelajar Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia untuk meneruskan pengajian mereka walaupun mereka telah mula bekerja untuk beberapa tahun. Pembelajaran sepanjang hayat di dalam polisi PTV memberi peluang untuk orang dewasa bagi melanjutkan pelajaran mereka atau melengkapkan diri mereka dengan kemahiran teknikal yang lebih baik dalam PTV sama ada untuk penambahbaikan peribadi atau keperluan kerja. Selain itu, bagi penganggur atau orang-orang yang telah kehilangan pekerjaan, mereka boleh mendapat pengalaman dan latihan daripada institusi PTV supaya mereka dapat bekerja dengan kemahiran yang tertentu.

Kurikulum yang dibangunkan untuk kolej vokasional adalah komprehensif dan inklusif di mana ia melibatkan kakitangan dari industri dalam proses pembangunan kurikulum. Ia juga memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran tertentu sama ada kemahiran teknikal, kemahiran praktikal, pengetahuan akademik atau kemahiran pekerjaan. Dengan adanya penyertaan daripada pihak industri, mereka boleh menjelaskan keperluan dan kualiti pekerja adalah perlu dipunyai oleh setiap pelajar.

Proses penilaian yang dilaksanakan di kolej vokasional secara khusus memberi tumpuan lebih kepada kemahiran vokasional dan bukan sahaja prestasi akademik. Kemahiran vokasional diberi keutamaan untuk memastikan pelajar bersedia dengan kemahiran yang cukup bagi keperluan untuk bekerja. Malah, penilaian pelajar termasuk aktiviti fizikal serta kemahiran pekerjaan untuk pelajar yang dilengkapi dengan kemahiran tambahan untuk pelajar vokasional. Pengenalan sistem semester di kolej-kolej vokasional memberi peluang yang lebih kepada pelajar untuk beraksi lebih cemerlang dalam pelajaran berbanding dengan penilaian berorientasikan peperiksaan di sekolah-sekolah akademik.

Walaupun peningkatan sistem pendidikan Malaysia yang memberi lebih banyak peluang dan laluan yang jelas untuk pelajar aliran vokasional bagi menjadi lebih berjaya, proses transformasi baru sahaja bermula dan dengan itu, PTV di Malaysia sedang menghadapi masa yang unik dalam melakar sejarah baru dan melupakan persepsi negatif oleh masyarakat tentang PTV.

Cabaran dan rintangan adalah kunci dalam menentukan sama ada rancangan itu menemui jalan buntu dan ditamatkan atau ia dijalankan dan diteruskan dengan jayanya sehingga mencapai matlamat untuk melahirkan pekerja yang berkemahiran tinggi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara ini, secara keseluruhannya melengkapkan matlamat Wawasan 2020 di mana Malaysia dilabel sebagai negara maju.

PENGHARGAAN

Pertamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan jutaan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Yusri bin Kamin selaku penyelia di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, khidmat nasihat yang berpanjangan serta segala ilmu yang dicurahkan sehingga sempurnanya penulisan ini.

Sejuta penghargaan khas buat seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bagi dalam memberikan kewangan, khidmat nasihat dan sokongan moral bagi menyempurnakan penyelidikan ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan di atas bantuan dan pertolongan yang tidak jemu-jemu diberikan dalam membantu menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa sekalung ucapan terima kasih buat para pensyarah Kolej Vokasional yang sudi meluangkan masa bagi menjayakan penyelidikan ini. Tanpa kerjasama daripada mereka tidak mungkin penyelidikan ini dapat disiapkan dengan sempurna dalam mencapai kehendak kajian ini.

Sekali lagi, penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya tuhan yang dapat membalas jasa dan pengorbanan kalian. Ribuan kemaafan di atas segala kesalahan dan kekhilafan yang tidak disengajakan. Sekian dan terima kasih.

RUJUKAN

- Abd H. A., Khadijah A., & Rahim M. S. (2011), *Work Esteem And Re-Branding Of Technical Education And Vocational Training From The Perspective Of Parents And Teachers*, Journal of Technical Education and Training (JTET), Vol.3, No.2, December 2011, ISSN 2229-8932
- Anderson, D. (1997), *Competition and Market Reform in the Australian VET Sector*, NCVER, Adelaide
- Australian Qualification Framework (2007). Implementation Handbook.
- Antje Cockrill (2007), *Vocational education and training in Germany: the dual system and stage training*. Centre for Advanced Studies in the Social Sciences, University of Wales.
- Ayuba, A. U & Gatabazi, P (2009), *The role of Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Human Resources Development: The case of Tumba College of Technology (TCT)-Rwanda*, Tumba College of Technology Rwanda.
- Barnett, K. & Ryan, R. (2005) *Vocational Education and Training in Australian Schools: Issues for Practitioners*, International Education Journal, ERC2004 Special Issue, 2005, 5(5), 89-104.
- Becker, G. S. (1993), *Human Capital*. 3rd Edition. Chicago: The University of Chicago Press.
- Blumer, H. (1969). *Symbolic Interactionism: Perspective and Method*. Berkeley: University of California Press.
- Bulut, E., *Transformation of the Turkish Vocational Training System: Capitalisation, Modularisation and Learning unto Death*. Journal of Critical Education Policy Studies. University of Illinois at Urbana Champaign, Illinois, USA.
- Cantor, L. (1989), *Vocational Education and Training in the Developed World: A Comparative Study*, Routledge, London and New York.
- Cedefop (2011). *The benefits of vocational education and training*, Luxembourg: Publications Office of the European Union.
- Cornford, I.R. (2005). *Vocational education*. In: English, L.M. (ed.) *International encyclopaedia of adult Education*. Palgrave Macmillan.
- Dewey, J. (1916). *Democracy and education*. New York: Macmillan.
- Di Bartolo, A. (1999). *Modern Human Capital Analysis: Estimation of US, Canada and Italy Earning Functions*. Working Paper No. 212, October 1999. Di ambil pada 14 September 2012 from <http://www.lisproject.org/publications/liswps/212.pdf>
- Education International (2009). *Literature review: Vocational education and training*
- Fontana, A. and Frey, H. J. (2003), *The Interview: From Structured Questions to Negotiated Text*, Collecting and Interpreting Qualitative Materials. California. Sage Publications.
- Frances L. Kidwell, Ed.D & Thomas M. West, AICP (2012), *Lessons from Germany and the Future of Vocational Education*.
- Geisler, R., Szczepanski, M. S. & Cymbrowski, B. (2005). *Building Human Capital – Challenges for Old Industrial Regions*. Di ambil pada 14 September 2012 from <http://www.regional-studies-assoc.ac.uk/events/aalborg05/geisler.pdf>
- Goodsell, K. E., (2005). *Vocational Education*. State University of New York.
- Grubb, W.-N, & Ryan, P. (1999). *The roles of evaluation for vocational education and training: plain talk on the field of dreams*. Geneva: International Labour Office.
- Guthrie, H (2010), *A Short History of Initial Teacher Training*, NCVER, Adelaide.
- Halimah Awang (2004), *Human Capital and Technology Development in Malaysia*, International Education Journal Vol 5, No 2.
- Harris, R., Simons, M. and Clayton, B. 2005, *Shifting Mindsets: The Changing Work Roles of Vocational Education and Training Providers*, NCVER, Adelaide.
- Hilmer, F. (1993), *National Competition Policy: Report by the Independent Committee of Inquiry*, AGPS, Canberra.
- Hoeckel, K. (2008). *Costs and benefits in vocational education and training*. OECD Publication.
- Hoeckel, K., Field, S., Justesen, T. R. & Kim, M (2008), *Learning for Jobs OECD Reviews of Vocational Education and Training*, OECD Australia
- Hoepfl, M.C. (1997) *Choosing Qualitative Research: A primer for Technology Education Researchers*. In *Journal of Technology Education*. [Online]. Retrieved on 20 March 2012 at <http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JTE/v9n1/hoepfl.html>
- Laroche, M., Merette, M. & Ruggeri, G. C. (1999). *The Concept and Dimensions of Human Capital in a Knowledge-Based Economy*. Journal of Mimeo (Ottawa: Department of Finance)
- Lindsay, P. & Norman, D. A. (1977). *Human Processing: An Introduction in Psychology*. Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- MacKinnon, G. (2005). *Symbolic interactionism: A lens for judging the social constructivist potential of learner-centered chemistry software*. International Journal of Technology in Teaching and Learning, 1(2).
- Maxwell, J.A. (1996) *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. California. SAGE Publications.

- Mayes, T., Morrison, D., Mellar, H., Bullen, P., & Oliver, M., (2009). *Transforming Higher Education Through Technology-Enhanced Learning*. The Higher Education Academy. Heslington.
- Maznah M. (2001). *Adult and continuing education in Malaysia*. Hamburg: UNESCO Institute for Education / Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia
- Mustapar Muhamad dan Ahmad Tajudin Jab (2007). Integrating TVE in the Malaysian Education System. Department of Technical Education, Ministry of Education Malaysia
- Nakamura, J.I., (1981) *Human Capital Accumulation in Premodern Rural Japan*, The Journal of Economic History, Vol. 41 (2), 263-281
- Newland, C., & San Segundo, M.J. (1996), *Human Capital and Other Determinants of the Price Life Cycle of a Slave: Peru and La Plata in the Eighteenth Century*, The Journal of Economic History, Vol. 56 (3) 1996, 694-701.
- O'Keefe, S. and Dollery, B. (2006), *Contemporary public policy perspectives on vocational education and training in Australia*, Journal of Economic and Social Policy, vol. 10, no. 2, article 6.
- Oxford Dictionaries. Di ambil pada 6th July 2012. <http://oxforddictionaries.com/definition/english/transformation>
- Patton, M.Q. (1990) *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd Ed.). Newbury Park, CA. SAGE Publications Inc.
- PEMANDU (2010). *Economic Transformation Programme, a roadmap for Malaysia*. Putrajaya: Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU), Prime Minister's Department.
- PEMANDU (2010). *Tenth Malaysia Plan 2011-2015*. Putrajaya: Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU), Prime Minister's Department.
- Prawat, R. S. (1996). *Constructivisms, modern and postmodern*. Educational Psychologist, 31 (3/4)
- Productivity Commission (2011), *Vocational Education and Training Workforce*, Research Report, Canberra.
- Ramli Mustapha & Abu Abdullah (2005), *Malaysia Transitions Toward a Knowledge-Based Economy*. The Journal of Technology Studies.
- Saglam, S & Oral, B. (2010), *Transformation of Technical Education Faculties in Turkey in The Process of European Union: Faculty of Applied Sciences*, Electrical Education Department, Marmara University, Istanbul.
- Schloss, P.J. and Smith, M.A. (1999) *Conducting Research*. New Jersey. Prentice-Hall Inc.
- Schultz, T. W. (1963). *The economic value of education*. New York: Columbia University Press.
- Siti Syahirah, (2011). *Transformasi PTV: Kesiediaan Guru-Guru Vokasional Terhadap Pelaksanaan Kolej Vokasional Kpm Dari Aspek Tahap Kemahiran*. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (CIETVT).
- Swanson, R. A & Holton III, E. F. (2001). *Foundations of Human Resource Development*. San Francisco: Berrett-Koehler Publisher, Inc.
- Teks Ucapan YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin. Majlis Pelancaran Pemerikasaan Kolej Komuniti. Bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK).
- Toby Ann (2008). A Descriptive Study Describing the Emotional Intelligence Domains and Associated Competencies as Perceived by Elementary School Principals in High-Performing and Low-Performing Title Schools. m.s 77
- UNESCO (2002). *Technical and Vocational Education and Training in the 21st Century*. Paris: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation.
- UNESCO. (2005). *United Nations Decade of Education for Sustainable Development 2005-2014*. Draft International Implementation Scheme. [Online] <http://www.unesco.org/education/desd> (Available July 20, 2006).
- van der Linde, C. 2007, *Technical and Further Education Diploma Graduates: Personal Capital Investments and Returns*, Queensland University of Technology, Brisbane.
- van Leeuwen, B. (2004). *Literature on the Relation between Human Capital and Economic Growth: Definitions and Problems*. International Institute of Social History.
- Warren, H. (1967). *Vocational and Technical Education*. Place de Fontenoy, Paris. UNESCO.
- Wan Ahmad, W.S. (2007). „To Inculcate Training Culture Amongst Malaysian Industry through National Dual Training System (NDTS)